
SENIBINA DAN PERANCANGAN RUMAH KEDAI PENIAGA CINA
CINA DI KELANG



Kajian akhir ini telah dihantar kepada Jabatan
Senibina Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi
syarat matapelajaran ARC 471 - History Of Architecture

Sebagian Kujang dan seluruhnya resah
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

NAMA : Bakar Bin Nusu
K/P ITM : 87127721
KURSUS : Diploma Senibina
TAHUN : 04
SEMESTER : 08
KAJIAN : Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur,
ITM Shah Alam Selangor Darul Ehsan.

Dengan ini adalah disahkan bahawa kajian akhir telah
disediakan oleh:

NAMA : Bakar Bin Nusu


K/P ITM : 87127721

Kajian ini telah dibaca dan disahkan oleh:

Penyelia : En. Amran Bin Abdul Rahman

Tandatangan :


Tarikh : M E I 1991



ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	
1.00 Pengenalan.....	1
2.00 Ruang Lingkup Tajuk.....	3
3.00 Sejarah Ringkas Bandar Klang.....	5
3.01 Penubuhan Bandar Klang.....	5
3.02 Jalan Pos Lama Sepintas Lalu.....	11
4.00 Kepercayaan Dan Kehidupan Orang Cina.....	13
4.01 Sejarah Orang Cina di Tanah Melayu.....	13
4.02 Kehidupan Harian Orang Cina.....	15
4.03 Kepercayaan Karut Orang Cina.....	18
4.04 Perkahwinan Orang Cina.....	21
4.05 Perayaan-Perayaan Orang Cina.....	24
5.00 Konsep Ruang n Cina Dan Melayu.....	27
5.01 Perbezaan Konsep Ruangan Cina Dan Melayu.....	27
5.02 Perbezagan Dalam Konsep Ruangan Dalam Senibina.....	30
i. Konsep dalam hakmilik tanah.....	30
ii. Konsep ruangan ugama dan kepercayaan.....	35
iii. Konsep ruangan dalam kehidupan sosial.....	36
iv. Konsep ruangan politik.....	38
6.00 Analisa Senibina Dan Perancangan.....	39
6.01 Pendahuluan.....	39
6.02 Analisa Senibina,.....	54
7.00 Pemulihan Dan pemeliharaan.....	62

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terimakasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah banyak menolong saya dalam usaha untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Kepada En. Tong Aik iaitu seorang peniaga runcit disalah sebuah kedai di Jalan Pos Lama, Kelang, diucapkan terimakasih kepadanya kerana telah memberikan penerangan yang panjang lebar berkenaan dengan keadaan dan kehidupan orang-orang Cina disitu.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada pensyarah matapelajaran History Of Architecture iaitu En. Amran Bin Abdul Rahman yang telah banyak memberikan bimbingan dan membantu menyusun kerja-kerja penyelidikan yang telah dijalankan.

Tidak ketinggalan juga kepada kedua orang tua saya, yang telah banyak memberikan sokongan moral dan inspirasi yang saya perlukan pada setiap waktu.

1

1.00 PENDAHULUAN

Bandar Kelang merupakan bandar yang tertua di Selangor.

Setelah timah dijumpai kedudukannya semakin berpotensi untuk menjadi pusat perdagangan. Kedudukannya yang strategik iaitu dimuara sungai Kelang dimana sungai ini telah menjadi laluan utama para pedagang pada masa itu, telah memasyurkan lagi bandar ini. Keperluan tenaga buruh pada masa itu amat diperlukan untuk menampung segala kekosongan pekerjaan melombong bijih yang kian meningkat dikawasan itu. Akibatnya, masalah ini telah memberi peluang kepada orang-orang China yang pada masa itu mengalami tindasan di Selatan Tanah Besar Cina.

Kedatangan beramai-ramai telah bertumpu di bandar ini dimana mereka mula membuka penempatan baru disamping menjadi buruh bijih timah. Keadaan ini berlaku semasa penjajahan British.

Dengan penghijrahan beramai-ramai itu, bermulalah pertumbuhan satu pusat perlombongan yang utama dan pusat perniagaan timah yang telah dilombong. Perkara ini telah menyebabkan pertumbuhan yang pesat pada awal tahun 1880an.

Pada akhir tahun 1880an, terjadilah campurtangan British dan industri bijih timah kemudiannya dikuasai oleh pihak British.

Walaupun demikian pusat perniagaan utama terutamanya di Bandar Kelang pada masa itu masih lagi dikuasai oleh peniaga China.

Bangunan-bangunan perniagaan dan rumah-rumah kedai mereka adalah warisan yang penting yang dimiliki oleh Bandar Kelang. Ia menunjukkan kemajuan yang pesat semenjak bandar ini mula dibuka dahulu.

2

2.00 RUANG LINGKUP TAJUK

Tajuk dalam kajian ini akan menyentuh sedikit-sebanyak mengenai sejarah kedatangan orang-orang Cina ke Tanah Melayu seperti apakah yang menyebabkan mereka berhijrah kesini dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pemerintah kolonial semasa kedatangan mereka dahulu.

Sejarah perkembangan Bandar Kelang juga akan dibincangkan terutamanya pada kawasan yang dikaji iaitu yang berpusat di Jalan Bas Lama dimana peniaga-peniaga Cina mula menujuhkan pusat-pusat perniagaan mereka.

Di dalam peta pusat bandar Klang yang disertakan, akan ditunjukkan kedudukan pusat kajian iaitu kawasan dimana rumah-rumah kedai lama masih digunakan.

Kehidupan sosial dan kepercayaan harian orang-orang Cina akan juga dibincangkan seperti cara-cara mereka menjalankan kehidupan seharian sebagai peniaga-peniaga semasa permulaan perkembangan dan pembangunan bandar Klang. Kepercayaan dan adat istiadat mereka yang mempengaruhi cara kehidupan mereka juga akan dikaji.

Senibina dan perancangan rumah -rumah kedai mereka akan juga dikaji. Perancangan dan konsep ruangan Cina dikawasan perbandaran akan diutamakan dalam kajian ini dan cara bagaimana mereka boleh hidup dengan selesa dikawasan bandar yang sempit dan kemudian mampu untuk menyesuaikan kehidupan seharian mereka dengan keadaan yang sedemikian rupa. Senibina mereka adalah sama diantara satu dengan yang lain tetapi dibuat berlainan dengan hiasan yang diberikan kepada rumah kedai mereka. Penggunaan tiang-tiang hiasan, ukiran dan cara ianya digunakan menyebabkan ianya menjadi sedemikian rupa.

Satu persoalanyang hangat diperbincangkan sekarang ialah pemulihan dan pemeliharaan bangunan-bangunan lama yang kini telah dilakukan disekitar bandau Kuala Lumpur. Bangunan-bangunan lama ini adalah merupakan sebahagian daripada sejarah yang patut dikekalkan terutamanya dikawasan perbandaran tanpa menyekat atau menghalang pembangunan yang sedang berjalan di sekitar kawasan tersebut.

3

3.00 SEJARAH RINGKAS BANDAR KLANG

3.01 Penubuhan Bandar Klang.

Timah telah dilombong di Lembah Kinta beberapa karun lamanya dan simpanan timah dikawasan itu telahpun dilombong dari semasa-kesemasa. Perlombongan bijih timah telah dipesatkan hanya setelah bermulanya abad ke sembilan belas. Perjumpaan dan pembukaan sesebuah kawasan lombong bijih itu pada mulanya tidak menggalakkan pertumbuhan dan pembukaan sesuatu penempatan yang tetap dikawasan perlombongan atau dikawasan sekitarnya. Hanya tetap dikawasan perlombongan atau dikawasan sekitarnya. Hanya pada tahun 1824 sahajalah baru dicatitkan samada pertempatan di sekitar kawasan bijih timah boleh dikatakan sebagai sebuah perkampungan.

Pelombongan-pelombongan yang merentasi hutan belantara ke kawasan pedalaman menggunakan sungai sebagai alat perhubungan yang utama. Pada masa permulaan pemesatan perlombongan bijih timah itu terdapat hanya lorong-lorong kecil melalui hutan-hutan belantara tetapi tidak digunakan selalu. Pelombongan-pelombongan menggunakan perahu dan sampan untuk ke hulu sungai dan kemudiannya berjalan melalui lorong pejalanan kaki ke dalam hutan untuk mencari dan melombong bijih timah. Timah dilombong secara begini dan kemudiannya timah tersebut diproses dan dinaikkankedalam perahu dan dihantar ke kuala

sungai dan selalunya dihantar ke bandar Klang. Klang pada masa itu terletak dimana sungai menjadi pusat pemasukan dan pengeluaran bagi timah dan juga bagi para pedagang.

Adalah dipercayai bahawa Bandar Klang telah dibuka sejak kurun masehi yang ke-14 lagi. Walaubagaimanapun tidak dapat dipastikan sama ada ia telah mempunyai kerajaannya sendiri ataupun tidak. Ini berdasarkan kepada Kitab Syair Negarakertagama yang dikarang dalam kurun masehi yang ke-14, menceritakan tentang Kerajaan Majapahit ada menyebut nama Klang diantara nama beberapa buah tempat lain di Nusantara yang dibawah jajahannya. Tetapi kitab itu tidak pula menyebut kisah lanjut mengenai tempat yang bernama Klang tersebut.

Pendapat ini disokong oleh peta yang dilukis oleh seorang nakhoda Laksamana Cheng Ho dalam tahun 1415. Dalam peta tersebut, kedudukan Bandar Kelang tidak dinyatakan tetapi Sungai Klang yang terdapat di dalam peta tersebut ditulis dengan nama Chi Ling Chiang. Laksamana Cheng Ho merupakan seorang ahli pelayaran dari China yang terkenal dan telah melawat Semenanjung Tanah Melayu termasuk Melaka di zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah, yang terkenal di zaman tersebut. Ini bermakna bahawa Bandar Klang telah didiami sejak kurun ke-14 lagi.



Peta menunjukkan kedudukan Asia Tenggara yang dilukis dalam tahun 1415 oleh nakhoda kapal Laksamana Cheng Ho menunjukkan Sungai Klang yang ditulis sebagai Chi Ling Chiang. Rujukan melalui ; Klang - Twenty Century of eventful existence oleh Mubin Sheppard.

Berbagai andaian telah dibuat tentang asal-usul nama Bandar Klang. Andaian yang pertama menyatakan bahawa nama tersebut diambil daripada bunyi loceng yang tergantung dileher gajah kenaikan Pembesar Klang. Apabila gajah ini berjalan, loceng tersebut akan menghasilkan bunyi "klang, klang" dan dari sinilah terbitnya nama Bandar Klang.

Andaian ini telah dibuktikan dengan penemuan buah loceng gangsa buatan orang zaman purba di Bukit Kuda, Klang pada tahun 1905. Adalah dipercayai bahawa loceng-locheng inilah yang telah digantung di leher gajah Pembesar Klang pada masa tersebut.

Ada juga pendapat yang mengatakan nama Klang ini didapati daripada perkataan 'kerang' yang disebut oleh orang-orang Cina tempatan. Mereka didapati gemar mencari kerang yang terdapat di sungai yang berhampiran dengan kediaman mereka iaitu disekitar Sungai Klang. Disebabkan oleh telor China mereka yang pekat, mereka tidak dapat menyebut kerang dengan betul menyebabkan perkataan kerang bertukar menjadi 'Klang'.

Pendapat yang terakhir tentang nama Bandar Klang ialah dipercayai berasal daripada perkataan Mon - Khmer iaitu

"klong" ini bermaksud gudang, pasar, bangsal atau bangunan dimana raja menerima persembahan daripada rakyat jelata.

Perkataan ini mungkin diberi kepada Bandar Klang kerana ia menjadi pusat penyerahan cukai oleh pelombong-pelombong bijih timah di sekitar Klang dan juga Kuala Lumpur pada zaman tersebut.

Walaubagaimanapun sejarah telah membuktikan bahawa Klang telah bermula sejak sekian lama dan oleh itu wajarlah unsur-unsur sejarah yang masih ada dikekalkan bagi tujuan pendidikan dan pengetahuan umum generasi yang akan datang.

Disebabkanoleh kedudukannya yang strategik iaitu di muara Sungai Kelang, ianya telah menjadi pusat pengawasan bagi seluruh Lembah Sungai Kelang dimana sebuah lembah sungai selalunya menjadi pusat pemerintahan.

Pada tahun 1830an, penghulu bagi bandar Kelang akan seterusnya menjadi penghulu bagi seluruh lembah dan muara sungai Kelang termasuklah kawasan di hulunya iaitu kawasan yang sekarang ini dikenali sebagai Kuala Lumpur. Hasil kewangan negeri bergantung kepada nilai pedagang dan perlombongan di sekitar kawasan pengawasan penghulu yang terletak pada masa itu di muara sungai, Bandar Klang. Penghulu Melayu pada tahun 1853 ialah Raja Suleiman. Setelah kematiian Raja Suleiman, takhtanya telah digantikan

oleh Raja Mahdi iaitu anak kepada Sultan Selangor. Sultan Selangor kemudiannya memberi bandar Kelang kepada anaknya yang lain iaitu kepada Raja Abdullah.

Perlombongan oleh pelombong-pelombong Cina dikawasan hulu sungai bermula di Kanching pada akhir tahun 1840an. Kanching terletak kira-kira sepuluh batu ke utara dari Kuala Lumpur di Lembah Sungai Selangor dan bukan di Sungai Kelang.

Para pelombong yang menuju ke hulu sungai, menggunakan sungai dan anak-anak sungai sekitarnya sebagai panduan untuk tiba ke perkampungan lombong Kanching. Mereka kemudiannya meninggalkan perahu mereka ditempat yang dinamakan bandar dan kemudiannya akan melalui lorong-lorong didalam hutan untuk sampai ke Kanching. Kejayaan pelombong-pelombong Cina di Kanching telah membuktikan bahawa terdapat simpanan bijih timah yang banyak disepanjang bahagian hulu Sungai Kelang.

Pada tahun 1857, Raja Abdullah dan Raja Jumaat (Lukut) telah merigupah dua pedagang Cina Melaka untuk memberi bekalan-bekalan yang berharga \$30.000. Kemudianya, mereka mengupah 87 pelombong-pelombong Cina dari Lukut untuk mencari bijih timah di hulu Sungai Kelang. Kesemua pelombong Cina tersebut kemudiannya memudik perahu mereka ke hulu sungai hingga ketempat pertemuan dua buah sungai iaitu sungai-sungai Gombak dan Kelang, dimana kawasan tapak bagi Kuala Lumpur sekarang.

3.02 Jalan Pos Lama Sepintas Lalu

Jalan Pos Lama merupakan laluan utama yang menghubungkan Bandar Klang Utara dan Klang Selatan ke Pelabuhan Klang. Di kiri-kanan jalan ini terdapat deretan bangunan rumah kedai yang dibina selepas Perang Dunia Pertama dan masih lagi kekal dengan bentuk asalnya. Kebanyakannya dibina dari tahun 1916 hingga ke tahun 40an kecuali dua buah bangunan yang dibina pertengahan tahun 80an. Terdapat sebuah masjid yang pentadbirannya dijalankanoleh masyarakat India Muslim dan dibina pada tahun 1972.

Kebanyakan bangunan ini dibina dengan ciri-ciri senibina 'Straits eclectic' dan juga 'utilitarian'. Ianya dibina dua tingkat dan bahan binaan utama ialah menggunakan batubata. Apa yang menarik perhatian tentang bangunan-bangunan ini ialah ciri-ciri senibinanya yang agak berbeza dengan bangunan rumah kedai lain yang terdapat di Bandar Klang Utara. Ini adalah kerana kebanyakan rumah-rumah kedai yang terdapat di Bandar Klang Utara mempunyai ciri-ciri senibina yang moden.

Sebelum pembinaan Jambatan Kota oleh Dorman Long pada tahun 1945, penduduk Klang Selatan yang ingin pergi ke Kuala

Lumpur terpaksa menggunakan jambatan terapung yang menyambungkan Jalan Raya Timur dengan PengkalanBatu yang terletak berhampiran stesen bas Klang Utara sekarang. Laluan utama ialah . . . melalui Jalan Pos Lama seterusnya menuju ke Jalan Raya Timur.

Setelah pembinaan jalan keretapi Klang-Kuala Lumpur pada tahun 1886, jalan lain terpaksa dicari bagi mengelakkan dari melintasi landasan keretapi tersebut. Oleh itu Jambatan Kota dibina bagi mengatasi masalah tersebut. Pada masa ini, JalanPos Lama m njadi laluan pilihan kenderaan ke Kuala Lumpur sekiranya mereka tidak mahu melalui Jalan Jambatan Kota.

4

4.00 KEPERCAYAAN DAN KEHIDUPAN ORANG CINA

4.01 Sejarah Orang Cina di Tanah Melayu

Kehidupan masyarakat Cina yang dimaksudkan disini adalah kehidupan sehari-hari mereka, adat istiadat mereka dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan cara kehidupan mereka.

Sebelum kita membincangkan mengenai perkara ini adalah lebih baik jika kita mengetahui akan cara kedatangan orang-orang Cina ke Tanah Melayu.

Kedatangan orang-orang Cina ke Tanah Melayu telah bermula pada zaman kegemilangan Melaka dahulu iaitu pada abad yang ke-15. Pada masa itu pertalian politik kerajaan Melaka dengan kerajaan Tanah Besar Cina adalah kuat dan dari situ lah maka bermulanya lawatan demi lawatan yang dilakukan oleh para laksamana Cina seperti Laksamana Cheng Ho dimana beliau mula melawat negeri Melaka sebagai tanda persahabatan antara kedua-dua negarisebagai tanda persahabatan antara kedua-dua kerajaan lama pada masa itu. Berikutnya dengan lawatan tersebut, maka bermulalah perpindahan beramai-ramai orang Cina ke Melaka.

Selepas kejatuhan Kerajaan Melaka, penghijrahan beramai-ramai orang-orang Cina ke Tanah Melayu mula berkurangan. Hanya tiga abad kemudiannya setelah pihak Inggeris mula menjajah Tanah Melayu maka penghijrahan orang-orang Cina mula bergerak semula. Ini adalah kerana dua faktor yang penting iaitu ketiadaan

bekalan buruh yang tetap dan kemiskinan yang menimpa orang-orang Cina di Selatan Tanah Besar Cina pada masa itu.

Faktor yang pertama disebabkan oleh desakan pemerintah Kolonial British yang ingin menjalankan industri getah dan bijih timah. Oleh kerana tenaga buruh amat kekurangan pada masa itu, penjajah British telah menggalakkan perpindahan beramai-ramai orang-orang Cina dan India dari negeri masing-masing ke Tanah Melayu untuk mengisi kekosongan tenaga buruh tadi.

Faktor yang kedua adalah disebabkan oleh keinginan orang-orang Cina untuk mengembara dan mencari kekayaan untuk menampung diri dan keluarga mereka. Oleh sebab kemiskinan yang melanda di Selatan Tanah Besar Cina pada masa itu, maka mereka pun berhijrah ke Tanah Melayu untuk mencari nafkah hidup.


Kebanyakan daripada mereka kembali semula setelah memperolehi apa yang mereka ingini. Tetapi ada juga di antara mereka yang terus menetap di Tanah Melayu sehingga kini.

Kebanyakan daripada orang-orang Cina ini menumpukan perhatian kepada perniagaan di bandar-bandar besar dan terus menetap disitu sehingga ke hari ini. Pekerjaan mereka adalah bermiaga di mana mereka akan bermiaga apa sahaja dari barang-barang runcit hingga kepada penjualan candu dan arak.

4.02 Kehidupan Harian Orang Cina

Didalam keluarga bawahan dan pertengahan, kaum perempuan akan menjalankankerja rumah, memasak dan melayan kaum lelaki. Keluarga-keluarga atasan pula akan mengupah orang gaji untuk melakukan kesemua kerja-kerja rumah tersebut.

Pada pagi hari, kaum perempuan atau orang gaji akan membakar colok dan melakukan penyembahan di hadapan rumah mereka. Kemudiannya mereka akan membiarkan colok-colok itu terbakar di tokong-tokong kecil yang selalunya terdapat dihadapan rumah-rumah mereka



Gambar diatas menunjukkan sebuah tokong Cina yang terletak di hadapan rumah atau kedai mereka